

29/09/1998

Wartawan Indonesia tidak dapat maklumat tepat

Nazar Abdul in Jakarta

PERTEMUAN bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dengan lebih 50 wartawan media elektronik dan cetak Indonesia di Jakarta kelmarin memberi perspektif baru di republik ini mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan Umno dan penahanannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mereka yang sebelum ini memang cenderung memihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu kini memperolehi gambaran jelas mengenai isu berkenaan.

Walaupun sebelum ini agak sukar bagi kebanyakan wartawan di republik ini mempercayai tuduhan perlakuan sumbang terhadap Anwar, dengan penjelasan Ghafar, ia memberi maklumat berguna untuk mereka membuat perimbangan sewajarnya.

Sebelum ini, media massa Indonesia memberi liputan besar-besaran terhadap isu pemecatan Anwar dan peristiwa yang berlaku di Kuala Lumpur berkaitan gerakan reformasi yang dilaungkan pengikut Anwar.

Seperti yang dinyatakan oleh Ghafar dalam sesi berkenaan, kebanyakan wartawan Indonesia tidak mendapat maklumat yang betul mengenai isu itu. Ini mungkin kerana mereka tidak mempunyai wakil di Kuala Lumpur. Media di Indonesia hanya mengutip maklumat daripada laporan agensi berita asing.

Katanya, tajuk berita seperti Malaysia Menunggu Perubahan, Tindakan Terhadap Anwar Tidak Adil, Gerakan Reformasi Semakin Marak Di Malaysia dan Anwar Tidak Diberi Kesempatan Membela Diri menunjukkan wartawan dan media di Indonesia tidak memahami keadaan sebenar di Malaysia.

Menurut Ghafar mereka tidak faham bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai hak mutlak untuk melantik dan memecat seorang timbalan perdana menteri atau menteri jika didapati tidak sesuai.

Seperti juga di negara lain di dunia, masalah pecat-memecat adalah perkara biasa dan tidak menimbulkan keributan. Tetapi, beliau hairan pemecatan Anwar sangat diheboh-hebohkan seolah-olah ia begitu penting bagi negara mereka.

Pada sesi dengan wartawan itu, Ghafar menjawab semua pertanyaan dan kemusykilan mereka daripada tuduhan berkelakuan sumbang dan melakukan seks luar tabii hingga kepada penangkapan Anwar dan rusuhan yang berlaku di Kuala Lumpur.

Beliau memberi penjelasan mengenai isu Anwar itu kepada wartawan tempatan selepas membaca pelbagai laporan akhbar tempatan yang mengkritik kuat tindakan Dr Mahathir terhadap bakal penggantinya.

Ghafar mengakui wartawan Indonesia mempunyai hak untuk melaporkan apa saja yang berlaku di Malaysia termasuk isu pemecatan Anwar tetapi berharap mereka mendapatkan maklumat yang tepat dan benar.

Seorang wartawan bertanya Ghafar atas kapasiti apa beliau datang ke Jakarta untuk membuat penjelasan mengenai isu Anwar.

Ghafar menjelaskan, sebagai rakyat Malaysia beliau bertanggungjawab memberikan penjelasan itu walaupun beliau bukan seorang menteri atau pemimpin parti.

Beliau juga tidak mendapat arahan atau pesanan daripada Dr Mahathir untuk berbuat demikian. Kedatangannya adalah secara sukarela dan mengambil kesempatan daripada lawatan peribadi ke Indonesia.

Menjawab pertanyaan seorang lagi wartawan yang ingin tahu kenapa Anwar ditangkap hanya kerana tuduhan melakukan homoseksual, Ghafar menjelaskan penangkapan bekas timbalan perdana menteri itu adalah mengikut Akta

Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana menganjurkan perhimpunan haram, menghasut rakyat dan menggugat keselamatan dan ketenteraman awam dan negara.

Seorang wartawan ragu-ragu apakah benar Anwar melakukan perbuatan sumbang seperti yang dikatakan, lalu menanya kepada Ghafar apakah ada alasan atau buktinya.

Menurut Ghafar, Dr Mahathir mendapat maklumat daripada siasatan polis dan kes dua lelaki yang membuat pengakuan di mahkamah bahawa Anwar mengadakan hubungan jenis dengan mereka sudah cukup membuktikan perbuatan sumbang Anwar.

Seorang wartawan dari agensi berita Perancis menanyakan Ghafar apakah beliau akan menemui Presiden BJ Habibie untuk menjelaskan isu pemecatan Anwar.

Ghafar menjawab: "Saya tidak mahu mengganggu dia kerana dia terlalu sibuk dengan kegawatan ekonomi Indonesia. Mungkin saya hanya telefon dia saja."

Wartawan televisyen SCTV menyatakan biasanya seseorang tidak boleh dianggap bersalah selagi belum dibuktikan di mahkamah tetapi kenapa dalam kes Anwar dia belum diberi kesempatan untuk membela diri. Lagipun Anwar sudah membuat kenyataan menafikan segala tuduhan itu.

Ghafar: "Anwar Ibrahim belum lagi dijatuhkan hukum. Kita belum jatuhkan hukum. Barangkali anda tanya kenapa Anwar dipecat sebelum mahkamah jatuh hukum."

Beliau bertanya: "Boris Yeltsin buang anggota Kabinetnya, adakah dia pergi ke mahkamah dulu? Mengapa rakyat Indonesia buang Suharto? Ada pergi ke mahkamah ke? Perdana Menteri New Zealand buang timbalannya, dia tidak pergi ke mahkamah dulu."

Ghafar menjelaskan jika seseorang melanggar undang-undang negara, maka ia akan dihadapkan ke mahkamah dan dihukum.

Dalam soal pemecatan Anwar, Perdana Menteri mendapati beliau tidak layak menjadi pemimpin negara. Dia dipecat dan tindakan itu tidak perlu dibawa ke mahkamah.

Wartawan Indonesian Times bertanya: "Apakah Datuk Seri Dr Mahathir sama dengan bekas Presiden Suharto. Suharto didakwa diktator dan mempunyai banyak kroni."

Ghafar: "Mana boleh sama. Perdana Menteri Malaysia dipilih oleh pilihan raya umum tetapi Suharto dipilih oleh Majlis Perwakilan Rakyat (MPR). Anggota MPR dipilih oleh kerajaan. Di Malaysia anggota Dewan Rakyat dipilih 100 peratus oleh rakyat. Tidak ada yang dilantik."

"Mengenai kroni ini hanya tuduhan liar saja. Semua orang ada kroni. Tuan-tuan juga ada. Ada orang yang tuan-tuan sayang sikit dan ada orang yang tuan-tuan sayang banyak. Itu biasa," kata Ghafar.

Seorang lagi wartawan bertanya: "Kalau benar dikatakan Anwar ditangkap kerana perbuatannya homoseksualnya kenapa dia ditangkap setelah ramai yang mengadakan tunjuk perasaan. Kenapa tidak ditangkap dari awal ketika dia dituduh melakukan homoseksual".

Ghafar: "Kesalahan homoseksual, tidak membolehkan seseorang ditahan. Itu tidak adil. Homoseksual mesti pergi ke mahkamah. Polis sedang menyiapkan kertas-kertas untuk pergi ke mahkamah."

"Di Malaysia kita tidak boleh tahan seseorang kerana dia homoseksual seperti Anwar. Tidak boleh. Dia ditahan semata-mata dari segi keselamatan. Sekarang ada demonstrasi. Dia bakar semangat rakyat. Nasib baik belum bakar rumah seperti di Indonesia."

Ghafar juga berkata ada 30 mahasiswa Malaysia dilaporkan datang ke Indonesia untuk belajar macam mana untuk mengadakan tunjuk perasaan. Apabila mereka pulang ke Malaysia mereka bawa 30 orang mahasiswa Indonesia yang pakar mengenai tunjuk perasaan.

Katanya, ini diikuti dengan lawatan ketua gerakan reformasi Indonesia Dr Amien Rais ke Malaysia baru-baru ini tetapi apabila ditanya oleh seorang mahasiswa apakah yang perlu dilakukan untuk melaksanakan reformasi di Malaysia Dr Amien Rais dilaporkan menjawab: "Adakah anda bermaksud untuk memusnahkan negara anda yang begitu cantik ini. Jika itulah tujuannya, saya tidak akan memberi nasihat".

(END)